

CARTA FUNGSI
JABATAN MAKMAL DIAGNOSTIK KLINIKAL



UNIT PATOLOGI ANATOMIK	UNIT PATOLOGI KIMIA	UNIT HEMATOLOGI & PERUBATAN TRANSFUSI	UNIT MIKROBIOLOGI PERUBATAN & PARASITOLOGI	UNIT PATOLOGI GENETIK	UNIT IMUNOLOGI
<p>Menyediakan servis diagnostik, pengajaran klinikal, penyelidikan, dan perundingan ke atas tisu dan sel pesakit (histopatologi dan sitopatologi).</p> <p>1) Histopatologi: Pemeriksaan makroskopik dan mikroskopik ke atas spesimen tisu dengan tafsiran diagnosis <i>surgical pathology</i> juga servis <i>Intraoperative Frozen Section</i>. Melibatkan H&E, <i>histochemical staining (special stain)</i>, <i>immunohistochemistry staining (IHC)</i>, dan <i>immunofluorescence staining (IF)</i>.</p> <p>2) Sitopatologi: Servis diagnostik dan penyaringan berdasarkan morfologi sel iaitu <i>Gynaecology Cytopathology</i> penyaringan kanser serviks melalui prosedur <i>Pap smear</i>, dan <i>Non-Gynaecology Cytopathology</i> melibatkan prosedur penyaringan ke atas semua cecair badan meliputi <i>FNAC</i>, <i>EBUS</i> dan lain-lain.</p>	<p>Menyediakan servis diagnostik, khidmat perundingan/ konsultasi, latihan klinikal dan teknikal termasuk penyelidikan dalam patologi kimia dan bekerjasama dengan disiplin klinikal lain dalam bidang penyelidikan yang berkaitan.</p> <p>1) Patologi Kimia Am: Menjalankan ujian-ujian am dan rutin melibatkan patologi kimia dalam badan pesakit melalui analisa bendalir badan (<i>Blood Gases</i>, <i>Cardiac Markers</i>, <i>Clinical Chemistry</i>, <i>Body Fluids Biochemistry</i>, <i>Urine FEME</i>).</p> <p>2) Patologi Kimia Khusus: Menjalankan ujian-ujian patologi kimia yang khusus antaranya <i>HbA1c</i>, <i>Hormones</i>, dan lain-lain.</p> <p>3) Pemantauan Darah Terapeutik: Menjalankan ujian-ujian pemantauan dahar terapeutik ke atas spesimen pesakit antaranya ujian <i>Vancomycin</i> dan lain-lain.</p>	<p>Menyediakan perkhidmatan diagnostik dan saringaan serta pengajaran/ latihan klinikal dan teknikal, penyelidikan dan rundingcara bagi ujian-ujian berkaitan darah dan perubatan transfusi.</p> <p>1) Hematologi Rutin: Menjalankan ujian-ujian rutin diagnostik dan saringan analisa darah (ujian diagnostik dan saringan pembekuan darah).</p> <p>2) Hematologi Khusus: Menjalankan ujian-ujian diagnostik lanjutan (masalah sel darah merah dan sel darah putih serta pembekuan darah).</p> <p>3) Perubatan Transfusi: Menjalankan ujian-ujian rutin diagnostik perubatan transfusi dan menyediakan bekalan produk darah.</p> <p>4) Imunohematologi Khusus: Menjalankan ujian-ujian diagnostik lanjutan untuk kes-kes antibodi positif.</p>	<p>Menyediakan servis diagnostik, penyelidikan, pengajaran klinikal, dan perundingan melibatkan jangkitan kuman pada pesakit melibatkan pelbagai sub-bidang.</p> <p>1) Bakteriologi: Ujian Kultur dan Sensitiviti untuk semua sampel termasuk darah dan lain-lain cecair badan.</p> <p>2) Serologi/Virologi: Ujian untuk diagnosis jangkitan yang disebabkan oleh virus melibatkan pengesanan antibodi dan antigen.</p> <p>3) Mikologi: Ujian yang melibatkan jangkitan fungus seperti kulat dan yis melalui kultur dan mikroskopi untuk identifikasi.</p> <p>4) Mikobakteriologi: Ujian identifikasi jangkitan <i>Mycobacterium tuberculosis</i>.</p> <p>5) Parasitologi: Ujian melibatkan jangkitan parasit seperti protozoa, cacing dan malaria untuk proses identifikasi.</p> <p>6) Imunologi: Ujian untuk mengesan jangkitan yang disebabkan oleh pathogen melalui pengesanan antibodi/antigen dan mengesan fungsi sistem imun tubuh, alergi dan penyakit autoimun.</p> <p>7) Molekular: Ujian yang melibat pengekstrakan dan pengesanan DNA/RNA bagi tujuan mengenal pasti jenis jangkitan bakteria, virus atau fungus secara khusus.</p>	<p>Menyediakan servis diagnostik, khidmat perundingan/ konsultasi, latihan klinikal dan teknikal termasuk penyelidikan dalam bidang genetik dan molekular patologi.</p> <p>1) Sitogenetik Konvensional: Ujian genetik ke atas sampel pesakit melibatkan pemeriksaan kromosom menggunakan mikroskop untuk menganalisis struktur, bilangan, dan kelainan kromosom secara langsung.</p> <p>2) Sitogenetik Molekular: Ujian genetik ke atas sampel pesakit menggunakan prob berlabel pendarfluor untuk menghibridkan kepada persediaan sel sitogenetik bagi mengesan perubahan genetik di tahap molekul.</p>	<p>Menjalankan ujian dan menyediakan khidmat perundingan/konsultasi dalam bidang imunologi transplan, merangkumi diagnostik, penyelidikan dan latihan teknikal. Secara amnya, Unit Imunologi menjalankan ujian berkaitan <i>human leukocyte antigen (HLA)</i>. Di antaranya termasuklah:</p> <p>1) Menentukan jenis <i>HLA</i>.</p> <p>2) Mengesan kewujudan antibodi terhadap antigen.</p> <p>3) Menentukan keserasian <i>HLA</i> antara pesakit dan penderma organ.</p>

Disemak Oleh:
Nama: Dr. Mardiana Abdul Aziz Jawatan: Ketua Jabatan Tarikh: 22 Januari 2025
Puncu Kuasa: Mesyuarat Jawalankuasa Pengurusan Hospital Bil. 08/2024 pada 17 September 2024
Dikemaskini pada: 21 Januari 2025

Disahkan Oleh:
Nama: Prof. Dr. Mohd Zamrin Dimon Jawatan: Pengarah Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Tarikh: 23 Januari 2025
Puncu Kuasa: Mesyuarat Jawalankuasa Pengurusan Hospital Bil. 08/2024 pada 17 September 2024
MMC Full Registration No:30768

PROFESSOR DR MOHD ZAMRIN DIMON
MD(UKM), MMed (Surg)(USM), FAD (USM)
Director of Hospital Al-Sultan Abdullah
Professor & Senior Consultant
Cardiothoracic Surgeon
Universiti Teknologi MARA